

Dr M mahu perbanyak usaha pasarkan produk

8 AUG 2002

PETALING JAYA, Rabu - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, hari ini mengarahkan supaya lebih banyak usaha dilakukan bagi memasarkan produk usahawan wanita di pameran antarabangsa, terutama pada acara yang dianjurkan negara.

Perdana Menteri berkata, kegagalan memperkenalkan produk usahawan wanita tempatan pada acara seumpama itu, seperti Dialog Antarabangsa Langkawi (LID) yang berlangsung minggu lalu, amat merugikannya.

Ini kerana, katanya, acara seumpama itu adalah masa paling baik untuk memperkenalkan dan memasarkan hasil keluaran usahawan tempatan, terutama wanita sehingga ke pasaran antarabangsa.

Menteri Pembangunan Usahawan, Datuk

Seri Mohamed Nazri Aziz, berkata Perdana Menteri menyuarakan pandangannya itu pada Mesyuarat Kabinet, hari ini.

"Dr Mahathir terkejut melihatkan kepelbagaian dan mutu barangan yang dihasilkan usahawan wanita di negara ini ketika merasmikan Konvensyen Kebangsaan Usahawan Wanita 2002, semalam.

"Beliau beranggapan barangan ini seharusnya dipasarkan secara lebih meluas dan mempamerkannya pada acara antarabangsa yang dianjurkan negara adalah satu landasan yang terbaik," katanya kepada pemberita selepas majlis penutup konvensyen berkenaan, di sini hari ini.

Konvensyen dua hari yang dirasmikan Perdana Menteri semalam, dianjurkan bersama oleh Kementerian Pembangunan Usahawan; Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga; Persekutuan Pertubuhan Wanita Dalam Perniagaan Malaysia (Fern) dan Dewanita.

Sementara itu, Mohamed Nazri berkata, satu pasukan pemikir akan ditubuhkan bagi menyelaras pembangunan usahawan wanita di negara ini.

Melalui pasukan itu, katanya, hala tuju dan cabaran yang dihadapi usahawan wanita akan ditangani secara bersepadu dan berkesan.

Pasukan itu, katanya, yang akan diselenggarakan kementerianya antara lain akan mengkaji kehendak pasaran bagi memastikan produk usahawan wanita dipasarkan secara lebih berkesan.